

BAB 2

TINJAUAN KARYA DAN KAJIAN YANG BERKAITAN

Azman Wan Chik (1989) berpendapat bahawa dalam proses pembelajaran bahasa kedua, situasinya adalah berlainan jika dibandingkan dengan proses pembelajaran bahasa pertama kerana beberapa sebab seperti berikut:

- a. Pelajar telah menguasai satu bahasa atau dialek yang sudah menjadi sehati dengan dirinya.
- b. Memperlihatkan motivasi yang berlainan. Jika dalam bahasa pertama, motivasi untuk menguasai bahasa yang dipertutur di sekelilingnya amat kuat disebabkan keperluan-keperluan untuk berhubung. Dalam mempelajari bahasa kedua, motivasi tidak sama di antara seorang pelajar dengan seorang pelajar yang lain - daripada yang mungkin amat tinggi motivasinya sehinggalah kepada yang tidak wujud motivasinya sama sekali.
- c. Ketika mempelajari bahasa kedua, masanya terhad, melainkan jika pelajar itu diletakkan dalam situasi pembelajaran bahasa kedua yang ideal atau di dalam "Pulau Bahasa" matlamat tersebut.

Asher dan Garcia (1969) dalam kajian yang telah dijalankan oleh mereka tentang kesan umur terhadap sebutan dalam sesuatu bahasa mendapati bahawa pelajar bahasa kedua yang mula belajar bahasa kedua sejak kanak-kanak lagi, penguasaannya dalam

penyebutannya seperti penutur jati adalah lebih baik daripada remaja ataupun orang dewasa.

Chen (1981) daripada pengalamannya mengajar pelajar Cina dalam bahasa Cina mendapati pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Cina di rumah menunjukkan prestasi pencapaian yang rendah dalam mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah, walaupun ibu bapa mereka sedar hakikat ini dan menyuruh anak-anak mereka menghadiri kelas tambahan Bahasa Cina, tetapi tidak mendatangkan banyak manfaat.

Semakin meningkatnya umur mereka, jurang perbezaan pencapaian mereka dalam bahasa Cina dengan pelajar yang bertutur dalam bahasa Cina sejak kecil di rumah bertambah besar. Ini adalah kerana mereka kekurangan satu situasi pembelajaran terhadap bahasa yang hendak dipelajari oleh mereka. Chen juga berpendapat bahawa pertuturan dialek di rumah akan mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Cina kerana pencemaran atau gangguan bahasa akan berlaku semasa seseorang pelajar itu mempelajari bahasa Cina.

He (1990:212) menyatakan bahawa bahasa Cina merupakan bahasa yang mempunyai intonasi yang lebih kompleks jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain di dunia seperti bahasa Norway, bahasa Sweden dan bahasa Indiana di benua Amerika. Dalam bahasa Cina, setiap sebutan mempunyai 'ton' masing-masing yang membezakan maksud dalam sesuatu perkataan. Umpamanya dalam perkataan seperti di muka surat sebelah:

诚实 c h é n g s h í → jujur

城市 c h é n g s h ì → bandar

Justeru itu, untuk menguasai sebutan dalam bahasa Cina, penguasaan intonasi adalah amat penting.

Menurut Lin (1990:227) walaupun dalam penyebutan bahasa Melayu terdapat juga intonasi, tetapi ia tidak akan mempengaruhi maksud dalam sesuatu perkataan bahasa Melayu seperti yang berlaku dalam bahasa Cina. Oleh itu, pelajar Melayu tidak begitu peka terhadap intonasi semasa mempelajari bahasa Cina. Maka guru-guru perlu menggunakan teknik perbandingan antara 'ton-ton' yang wujud dalam bahasa Melayu dengan 'ton-ton' yang wujud dalam bahasa Cina ataupun mengajar pelajar Melayu menyebut empat ton dalam bahasa Cina dengan betul dan tepat agar mereka dapat menguasai bahasa Cina dengan baik.

Liu (1990:555) dalam kajiannya mendapati bahawa masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Cina semasa mempelajari bahasa Kantonis adalah tidak dapat membezakan Ton Pertama dan Ton Keempat.

Keadaan yang sebaliknya mungkin akan berlaku terhadap pelajar bangsa Kantonis yang mempelajari bahasa Cina.

Thompson's (1991) dalam kajiannya terhadap penduduk asing Rusia di Amerika Syarikat mendapati penduduk asing Rusia yang berumur kurang daripada 10 tahun apabila bertutur dalam bahasa Inggeris penyebutannya lebih mirip kepada penutur jati Inggeris jika

dibandingkan dengan penutur yang mula mempelajari bahasa Inggeris lebih daripada umur 10 tahun. Beliau berpendapat kegagalan penduduk asing Rusia ini mencapai satu tahap dalam penyebutannya seperti penutur jati kerana mereka 'maintained a high level of speaking proficiency in Russian'.

Chen (1981) dalam kajiannya terhadap 10 orang rakyat Singapura yang terdiri daripada bangsa Hokkien, Teowchu, Kantonis, Hakka dan Hailam, dan setiap bangsa masing-masing terdiri daripada dua orang sebagai sampel mendapati bahawa semasa mereka bertutur dalam bahasa Cina terdapat Ton Kelima (第五声/入声 'rusheng'). Ini adalah kerana pengaruh dialek Cina.

John R. Richford (1996:151) berpendapat bahawa:

"Understanding the variability in our own language and that of our students is also very important for L1 and L2 teachers, because the regional and social dialects that teachers and children speak can have a big impact on students success in school."

("Pengetahuan tentang keragaman/variabiliti bahasa sendiri dan bahasa pelajar juga adalah amat penting untuk guru-guru bahasa pertama dan bahasa kedua kerana perbezaan dari segi kawasan dan dialek masyarakat yang dituturkan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar dapat mempunyai kesan besar terhadap memperoleh kejayaan di sekolah.")

Daripada dapatan kajian penyelidikan-penyelidik sama ada dari dalam atau luar negara, boleh dirumuskan bahawa kesalahan sebutan oleh seseorang penutur bahasa kedua adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang utama seperti berikut:

- a. Terdapat perbezaan bunyi bahasa dalam bahasa pertama dengan bahasa kedua. Perbezaan ini menyebabkan wujudnya pencemaran dan gangguan daripada bahasa pertama semasa seseorang ingin mempelajari bahasa kedua.
- b. Pengaruh dialek yang digunakan oleh penutur bahasa kedua sebagai bahasa pertama dalam kehidupan harian.
- c. Semakin meningkatnya umur seseorang penutur bahasa kedua itu, semakin sukar baginya untuk menguasai bahasa kedua yang dipelajarinya, khasnya dari segi penyebutan bunyi dalam sesuatu bahasa itu.